

Research Article

# Faktor Mempengaruhi Penggunaan Persekitaran Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Maya (VLE FROG) Guru Agama/Dini: Kajian di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Selangor

Noraizan binti Mohsin<sup>1\*</sup>, Mohd Faiz bin Mohd Baharan<sup>2</sup>, and Syuhaida Idha binti Abd Rahim<sup>3</sup>

1 Affiliation <sup>2</sup>; fazries@yahoo.com.my

2 Affiliation <sup>3</sup>; idha63@salam.uitm.edu.my

\* Correspondence: noraizan76@yahoo.com

Received: 1<sup>st</sup> January 2019; Accepted: 10<sup>th</sup> January 2019; Published: 28<sup>th</sup> February 2019

**Abstrak:** Selaras dengan Pendidikan abad ke-21 (PAK21) suasana persekitaran pembelajaran maya merupakan cabaran terbaru bagi guru-guru agama/Dini di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Sejak diperkenalkan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) pada 2015 guru-guru menghadapi dwi cabaran dalam pengajaran kurikulum baru dan dalam masa yang sama perlu mengimplementasikan pengajaran berasaskan teknologi. Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara dimensi persekitaran pdp maya VLE Frog dengan tahap penggunaannya. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti faktor peramal terbaik terhadap penggunaan pdp maya VLE Frog. Kajian ini menggunakan soal selidik oleh 86 orang responden yang terdiri daripada guru-guru yang mengajar matapelajaran KBD iaitu Syariah Islamiyyah, Usuluddin dan Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Muasiroh (LAM). Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) 25.0. Hasil analisis korelasi menunjukkan pengetahuan mempunyai hubungan signifikan yang tinggi dalam meningkatkan tahap penggunaan pdp maya Vle Frog di SABK selain kesediaan. (Nilai  $r = 0.562$  pengetahuan dan nilai  $r = 0.658$  kesediaan). Manakala prasarana mempunyai hubungan yang lemah terhadap penggunaan tersebut (nilai  $r = 0.44$ ). Kajian ini turut membuktikan bahawa peningkatan penggunaan persekitaran pembelajaran maya dalam pdp hendaklah seiring dengan pengetahuan dan kesediaan guru dan bukan bergantung kepada kemudahan fizikal semata-mata.

**Keywords:** Pembelajaran maya; Virtual Learning Environment (VLE Frog); Kurikulum Bersepadu Dini (KBD); Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)

## About the Authors

Noraizan binti Mohsin adalah seorang guru KPM yang telah berkhidmat lebih 17 tahun dalam bidang Pendidikan Islam dan Bahasa Arab. Mempunyai pengalaman yang luas berkaitan bidang kajian dan bidang Kejurulatihan Dakwah. Beliau dan rakannya adalah penerima HLP (2017-2019/2016-2018) menyambung pengajian peringkat MA di

## Public Interest Statement

Kaedah dan pendekatan yang baik diperkuatkan oleh penggunaan bahan bantu yang berkesan dan dapat menarik minat murid. Pendidikan Abad ke 21 menuntut guru menggunakan pendekatan berpusatkan murid serta menggalakkan penggunaan bahan teknologi dalam pembelajaran. Sehubungan itu, aplikasi Vle Frog sangat bermanfaat untuk

Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Shah Alam. Beliau dan rakannya juga adalah Jurulatih Kokurikulum Pendidikan Islam negeri Selangor dan Kebangsaan. Beliau juga merupakan jurulatih amalan pengajaran terbaik Kurikulum Bersepadu Dini, pernah menerima Anugerah Emas Inovasi dalam Kajian Tindakan dan Penyelidikan pembelajaran mata pelajaran KBD pada 2018.

digunakan sebagai medium pembelajaran yang baik. Namun penggunaannya dilaporkan sangat sederhana dalam kalangan guru agama/dini. Oleh itu, pelbagai factor dikenal pasti dalam perkara ini, terutamanya sikap dan kesediaan guru agama/dini dalam melaksanakannya selain kemudahan dan pra sarana yang menyokong program tersebut.

## 1. Pengenalan

Pelaksanaan aplikasi pembelajaran maya yang dinamakan sebagai VLE Frog dalam dunia pendidikan di Malaysia telah mengubah paradigma dan transformasi pendidikan serta cara interaksi di antara guru dan murid di sekolah (Chong Ai Peng, Vestly Kong Liang Soon, & Shaffe Mohd Daud, 2016). Ia selaras dengan amalan PAK21 yang memberi penekanan terhadap penguasaan literasi maklumat, literasi media dan teknologi maklumat dan komunikasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016b).

*Virtual Learning Environment Frog* merupakan sistem persekitaran pembelajaran di sekolah yang berasaskan web dan menyerupai kaedah pembelajaran sebenar di dalam bilik darjah. Konsep pembelajaran ini adalah gabungan antara konsep pembelajaran konvensional dengan konsep pembelajaran maya (*virtual*). VLE Frog juga diistilahkan sebagai intranet iaitu pembelajaran bilik darjah secara *online* serta ruang sosial untuk sekolah berhubung di dalam satu bumbung (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016a). Pelaksanaan aplikasi VLE Frog sebagai aplikasi pengurusan pembelajaran secara maya adalah usaha kementerian untuk merevolusikan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah di Malaysia bersesuaian dengan suasana pendidikan abad ke-21. Untuk tujuan itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menyediakan kemudahan ke arah mengintegrasikan ICT dalam pembelajaran harian di sekolah.

Guru agama/Dini di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) adalah terdiri dari guru yang mengajar mata pelajaran As-Syariah, Usuluddin dan Bahasa Arab dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Ia adalah kurikulum kebangsaan yang dilaksanakan di SABK di Malaysia bermula tahun 2015. Sebanyak 163 buah SABK terlibat dalam perlaksanaan kurikulum ini. Ia merupakan perubahan naik taraf kurikulum *Azhari* lama di sekolah-sekolah agama menjadi kurikulum kebangsaan. Perubahan ini umumnya bertujuan mempertingkatkan kualiti pengurusan pentadbiran, pengurusan sumber manusia, kualiti prasarana dan kemudahan serta meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran (Bahagian Pendidikan Islam, 2015b).

## 2. Sorotan Literatur

Walaupun kementerian telah menyediakan kemudahan ICT termasuk perkakasan dan talian bagi perlaksanaan program VLE Frog di sekolah-sekolah, namun tahap penggunaan aplikasi tersebut masih kurang memuaskan. Selain kemudahan fizikal, guru-guru juga telah di beri pendedahan serta latihan. Kerajaan juga telah membelanjakan peruntukan yang besar untuk menjayakan perlaksanaan pembelajaran maya tersebut (Kementerian Kewangan Malaysia, 2013; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013).

Namun, laporan yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara Siri 3 Tahun 2013 menyatakan bahawa penggunaan VLE Frog oleh murid, guru dan ibu bapa adalah rendah (Kementerian Kewangan Malaysia, 2013a). Hal ini turut dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh Nor Azlah & Fariza (2014) yang mendapati jumlah penggunaan pada bulan November 2012 hingga Februari 2013 dalam kalangan guru

adalah sangat sedikit dan lemah. Justeru, KPM meminta guru besar dan pengetua supaya memastikan guru-guru di sekolah menggunakan aplikasi maya VLE Frog secara optimum di dalam pengajaran mereka.

Selain itu, kajian impak yang dijalankan oleh Bahagian Pendidikan Islam (2015a) di SABK mendapati guru-guru SABK berhadapan dengan kesukaran dalam amalan pengajaran apabila mereka terpaksa berhadapan dengan keperluan dwi kurikulum, iaitu kurikulum Dini dan kurikulum Kebangsaan. Faktor kekangan masa dan latihan telah dikenalpasti sebagai sebab kesukaran tersebut. Selain itu, kajian oleh Bahagian Pendidikan Islam (2017b) juga telah mengenal pasti bahawa penggunaan bahan teknologi dalam pengajaran guru dini adalah sangat rendah.

Menurut Kamalludeen, Hassan, Sakinah, & Nasaruddin (2016) ciri-ciri dalam aplikasi VLE Frog mempengaruhi minat murid dalam pembelajaran. Perkara ini sepatutnya mendorong guru meningkatkan kesedaran dan menggunakan VLE Frog dengan lebih kerap. Namun, Yusoh & Mansor (2015) mendapati tahap kemahiran dan penggunaan guru terhadap aplikasi tersebut berada pada tahap sederhana. Kajian tersebut turut mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kemahiran dan tahap penggunaan guru. Keadaan ini menunjukkan bahawa kemahiran guru memberi kesan kepada tahap penggunaan VLE Frog di sekolah. Hashim, Munira, Nasri, & Mustafa (2016) dalam kajiannya telah mengenal pasti cabaran yang di hadapi oleh guru dalam pelaksanaan pembelajaran maya melalui VLE Frog adalah kekangan infrastruktur, kekangan masa, inisiatif guru, efikasi sendiri guru serta integriti dan sikap guru terhadap VLE Frog.

Selain itu, beberapa kajian lalu di sekolah-sekolah agama juga menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru mata pelajaran agama dan Bahasa Arab bersikap tradisional serta tidak menggunakan teknologi (Jasmi & Tamuri, 2011; Kamarul Azmi Jasmi & Tamuri, 2011; Lubis, Alias, & Shahrudin, 2014; Nasir, Mahalle, & Nawi, 2015).

### 3. Pernyataan Masalah

KPM telah melaksanakan latihan literasi ICT bagi memastikan guru memperoleh sekurang-kurangnya tahap minimum literasi ICT menjelang tahun 2016. Dengan adanya kompetensi ICT, guru akan berupaya menggunakan inovasi dalam pedagogi untuk meningkatkan hasil pembelajaran murid di masa akan datang. Pelaksanaan program adalah bertepatan dengan aspirasi dalam PPPM untuk memastikan guru memperoleh sekurang-kurangnya tahap minimum literasi ICT menjelang tahun 2016. Dengan adanya kompetensi ICT, guru akan berupaya menggunakan inovasi dalam pedagogi untuk meningkatkan hasil pembelajaran murid di masa akan datang (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2017).

Namun, kajian oleh Bahagian Pendidikan Islam (2017a) mendapati guru agama/Dini di SABK tidak menggunakan inovasi teknologi dalam pengajaran KBD di sekolah. Menurut persepsi murid dalam kajian yang sama, tahap amalan pengajaran guru KBD adalah rendah dan tidak melibatkan pengintegrasian ICT. Sedangkan kajian ini turut mendapati murid sangat berminat dengan pembelajaran menggunakan teknologi dan internet. Faktor kompetensi guru serta kekurangan latihan dan prasarana menjadi punca guru-guru di SABK kurang menggunakan inovasi dan teknologi dalam amalan pengajaran (Bahagian Pendidikan Islam, 2015a). Laporan pemantauan dan penyeliaan yang dijalankan ke atas pengajaran guru juga turut mendapati guru agama/Dini banyak menggunakan buku teks sebagai bahan bantu mengajar (Bahagian Pendidikan Islam, 2017b).

Akibatnya, antara kelemahan yang dikenalpasti dalam pembelajaran dan tahap pencapaian murid dalam mata pelajaran KBD adalah lemah dan sederhana. Laporan pemantauan juga mendapati murid tidak dapat mengikuti KBD dengan sempurna khususnya Usuluddin. Selain itu, markah murid dalam beberapa mata pelajaran KBD adalah rendah. Manakala hampir separuh belum mencapai muqarrar dan lupa hafazan selain pencapaian sederhana dalam perkara asas seperti jawi dan Al-quran (Bahagian Pendidikan Islam, 2017b).

Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap penggunaan aplikasi VLE Frog dalam kalangan guru agama/Dini serta hubungannya dengan kesediaan, pengetahuan dan pra sarana di SABK.

#### 4. Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap penggunaan VLE Frog dan hubungan dengan persekitaran pdp maya meliputi kesediaan, pengetahuan dan prasarana. Selain itu kajian ini juga bertujuan menganalisa faktor peramal terbaik terhadap penggunaan PDP maya oleh guru agama/Dini di SABK negeri Selangor.

#### 5. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Konstruk persekitaran PDP maya adalah meliputi tahap penggunaan, kesediaan, pengetahuan dan prasarana. Soal selidik melibatkan lima pilihan jawapan menggunakan skala likert dan telah diadaptasi daripada soal selidik tesis (Baharan, 2018). Seramai 86 orang guru telah dipilih sebagai responden kajian berdasarkan jumlah populasi sampel seramai 115 orang guru Dini di Selangor (Krejcie & Morgan, 1970).

**Jadual 1:** Jadual Penentuan Instrumen Soal Selidik

Bahagian	Perkara	Item
A	Demografi Responden	A1-A4
B	Pengetahuan	B1-B5
C	Kesediaan	C1-C6
D	Penggunaan	D1-5
E	Pra sarana	E1-5

Ujian kebolehpercayaan menggunakan pekali *Alpha Cronbach* telah dijalankan. Konstruk konstruk dalam soal selidik kajian menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu konstruk kesediaan 0.934, konstruk pengetahuan 0.902, konstruk penggunaan 0.852 dan konstruk pra sarana 0.800. Keputusan nilai kebolehpercayaan bagi setiap konstruk berada dalam lingkungan 0.800 hingga 0.934 dianggap sangat baik dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunapakai (Sekaran & Bougie, 2013).

**Jadual 2.** Jadual Nilai Pekali Kebolehpercayaan

Konstruk	Nilai pekali
Kesediaan	0.934
Pengetahuan	0.902
Penggunaan	0.852
Prasarana	0.800

#### 6. Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu analisis deskriptif tahap penggunaan, kesediaan, pengetahuan dan pra sarana. Hubungan korelasi antara tahap penggunaan dengan persekitaran pdp maya meliputi kesediaan, pengetahuan dan pra sarana serta pemboleh ubah yang boleh menjadi peramal terbaik kepada tahap penggunaan.

##### 6.1. Analisis Deskriptif Tahap Persekitaran PDP Maya VLE FROG

Hasil dapatan melalui borang kaji selidik mendapati tahap sederhana bagi persekitaran pdp maya VLE Frog dalam kalangan guru agama/Dini di SABK. Ianya meliputi konstruk penggunaan, kesediaan dan pengetahuan guru serta kemudahan pra sarana ICT bagi tujuan tersebut.

Konstruk kesediaan guru berada pada nilai min 3.47 dan sisihan piawai 0.618, diikuti pengetahuan guru berada pada nilai 3.27 dan sisihan piawai 0.660. Manakala penggunaan berada pada nilai min 3.13 dan sisihan piawai 0.612 dan faktor pra sarana VLE Frog berada pada nilai min 3.03 dan sisihan piawai 0.593.

**Jadual 3.** Rumusan Analisis Deskriptif Persekitaran PDP Maya VLE Frog di SABK.

Analisis Deskriptif		
	Min	Sisihan Piawai
Penggunaan	3.1380	.61281
Kesediaan	3.4754	.61840
Pengetahuan	3.2761	.66019
Pra sarana	3.0376	.59330

Dapatan ini menunjukkan tahap sederhana persekitaran pdp maya VLE Frog guru agama/Dini di SABK. Perkara ini membuktikan bahawa pembelajaran maya oleh guru agama/Dini di SABK belum diaplikasikan sepenuhnya. Ia selari dengan kajian yang mendapati guru-guru agama kurang menggunakan teknologi dalam pdp di sekolah (Rahman et al., 2012) (Bahagian Pendidikan Islam, 2015a, 2017b; Kamarul Azmi Jasmi & Tamuri, 2011; Lubis et al., 2014; Rahman et al., 2012; Yahaya, Ahmad, Ali, & Zakaria, 2007).

6.2. Hubungan Tahap Penggunaan Dengan Kesediaan, Pengetahuan dan Prasarana.

Interpretasi nilai korelasi dalam kajian ini menggunakan nilai pekali korelasi koefisien korelasi *Pearson* (*r*) seperti dalam jadual 4.

**Jadual 4.** Skala Davies (1971) bagi kekuatan korelasi antara dua pemboleh ubah

Nilai Pekali Korelasi ( <i>r</i> )	Tafsiran Pekali
0.01 – 0.09	Boleh diabaikan
0.10 – 0.29	Rendah
0.30 – 0.49	Sederhana
0.50 – 0.69	Kukuh
0.70 – 0.99	Sangat Tinggi
1.00	Sempurna

Sumber: Davies, I.I.C. 1971.

Analisis korelasi mendapati setiap item mempunyai hubungan signifi(Davies, 1971)fikan yang positif walaupun berada pada sederhana dan rendah. Nilai hubungan signifikan berada antara nilai  $r = 0.264$  hingga  $r = 1.000$ . Perkara ini menunjukkan walaupun hubungan setiap item adalah sederhana dan rendah namun keperluan setiap item adalah sangat diperlukan dalam usaha menggalakkan penggunaan persekitaran pembelajaran maya dalam kalangan guru agama/Dini di SABK.

Hasil dapatan ini menunjukkan penggunaan mempunyai hubungan positif yang sederhana dengan item persekitaran yang dikaji iaitu kesediaan ( $r = 0.562$ ) dan pengetahuan guru ( $r = 0.658$ ). Manakala hubungan adalah lemah pada item pra sarana ( $r = 0.442$ ). Kesemua item adalah pada aras signifikan  $p < .01$ . Menurut Chua (2005) kekuatan perhubungan korelasi *Pearson* adalah berdasarkan kepada indeks nilai pekali korelasi antara 0.51 hingga 0.70 yang menunjukkan hubungan sederhana.

Hal ini bermaksud pengetahuan dan kesediaan guru merupakan factor utama kepada penggunaan sistem persekitaran pembelajaran maya VLE Frog. Selain itu, data analisis ini turut membuktikan bahawa

penggunaan sistem pembelajaran maya dalam kalangan guru agama di SABK perlulah seiring dengan pengetahuan dan kesediaan guru. Manakala hubungan lemah antara penggunaan dan prasarana menunjukkan bahawa kemudahan prasarana hanya merupakan factor kecil dan sampingan yang menyumbang kepada penggunaan guru.

**Jadual 5:** Korelasi Antara Tahap Penggunaan dengan Persekitaran PDP Maya

		Korelasi			
Pearson Correlation	Penggunaan	Kesediaan	Pengetahuan	prasarana	
	Penggunaan	1.000	.562	.442	
	Kesediaan	.562	1.000	.264	
	Pengetahuan prasarana	.658	.556	.350	
Sig. (1 tailed)	Penggunaan	.442	.264	1.000	
	Kesediaan	.	.000	.000	
	Pengetahuan	.000	.	.013	
	prasarana	.000	.000	.	
			.013		

**6.3. Pemboleh ubah yang Menjadi Peramal Kepada Penggunaan Persekitaran PDP Maya VLE FROG**

Ujian regresi berganda telah dijalankan bagi melihat pemboleh ubah yang boleh menjadi peramal terbaik terhadap penggunaan pembelajaran maya. Ringkasan keputusan ujian tersebut ditunjukkan dalam jadual 6 yang mana nilai R kuasa dua menunjukkan peratus varians terhadap persekitaran PDP maya yang dijelaskan oleh tiga pemboleh ubah yang dimasukkan ke dalam regresi tersebut, iaitu kesediaan, pengetahuan dan pra sarana. Ia juga menunjukkan kesediaan dan pengetahuan guru serta pra sarana merupakan peramal kepada penggunaan pembelajaran maya VLE di SABK.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa kesemua pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar adalah tinggi (model 1-r=658, model 2-r=699 manakala model 3-r=729). Juga didapati bahawa kesemua pemboleh ubah bebas dapat menerangkan bahawa model 1 = 43.3 peratus, model 2 = 5.6 peratus dan model 3 =4.2 peratus daripada pemboleh ubah bersandar.

Kajian ini membuktikan bahawa terdapat 43.3 peratus variasi dalam pengetahuan, 5.6 peratus adalah kesediaan dan 4.2 peratus adalah pra sarana. Manakala 47.2 peratus yang selebihnya boleh dijelaskan dengan factor-faktor lain yang tidak diambil kira dalam model ini. Faktor-faktor berkenaan mungkin adalah kemahiran, sikap dan sokongan pentadbir. Menurut (Baharan, 2018) penggunaan aplikasi VLE Frog dalam kalangan Guru Pendidikan Islam di negeri Selangor dipengaruhi oleh sikap guru sendiri diikuti kemahiran dan sokongan pentadbir.

**Jadual 6:** Keputusan Ujian ANOVA Regresi Berganda

Model of summary							
Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	R Square Change	F Change	Sig.F Change
1	.658	.433	.425	.46478	.433	52.688	.000
2	.699	.489	.474	.44461	.056	7.402	.008
3	.729	.531	.510	.42896	.042	6.055	.016

- a.Predictors:(Constant), PENGETAHUAN
- b.Predictors:(Constant), PENGETAHUAN, KESEDIAAN
- c.Predictors:(Constant), PENGETAHUAN, KESEDIAAN, PRASARANA

Hasil ujian seterusnya menunjukkan nilai pekali korelasi piawai (beta) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.



**Jadual 7.** Nilai Pekali Regresi Berganda

		Coefficients <sup>a</sup>				
		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients		
	Model	B	Std. Error	Beta	t	Sig.
1	(Constant)	1.137	.281		4.045	.000
	PENGETAHUAN	.611	.084	.658	7.259	.000
2	(Constant)	.639	.325		1.966	.053
	PENGETAHUAN	.464	.097	.500	4.796	.000
	KESEDIAAN	.281	.103	.284	2.721	.008
3	(Constant)	.221	.357		.619	.538
	PENGETAHUAN	.404	.097	.435	4.185	.000
	KESEDIAAN	.259	.100	.262	2.588	.012
	PRASARANA	.228	.093	.221	2.461	.016

a. Dependent Variable: PENGGUNAAN

Jadual 7 menunjukkan dapatan kajian yang menunjukkan kesan pemboleh ubah bebas adalah berkait secara positif. Dapatan menunjukkan terdapat tiga pemboleh ubah yang menjadi peramal yang signifikan terhadap penggunaan, iaitu pengetahuan ( $\beta = 0.435$ ,  $p = .000$ ), kesediaan ( $\beta = 0.262$ ,  $p = .012$ ) dan prasarana ( $\beta = 0.221$ ,  $p = .016$ ).

Dapatan ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah pengetahuan merupakan peramal yang paling kuat terhadap penggunaan pembelajaran maya. Nilai BETA menunjukkan bahawa pekali korelasi bagi pengetahuan adalah paling tinggi ( $=.435$ ) manakala pra sarana adalah paling rendah ( $=.221$ ). Dengan itu dapatlah dinyatakan bahawa dapatan kajian ini menunjukkan hanya pengetahuan mempunyai kesan positif paling tinggi ke atas kesediaan dan pra sarana yang di ukur oleh penggunaan. Dengan kata lain factor utama penggunaan pdp maya VLE di pengaruhi oleh pengetahuan guru dan kesediaan. Manakala pra sarana merupakan factor sampingan sahaja dalam mempengaruhi penggunaan.

## 8. Rumusan

Kesimpulannya, jika pihak pentadbir sekolah mahu meningkatkan penggunaan pdp maya VLE Frog dalam kalangan guru dini di SABK negeri Selangor, maka pengetahuan guru terhadap aplikasi tersebut perlu dipertingkatkan secukupnya. Kursus kemahiran yang lebih berfokus perlu dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan pengetahuan terhadap aplikasi tersebut dan manfaatnya terhadap pembelajaran. Walaupun factor prasarana bukan merupakan factor utama yang mempengaruhi penggunaan, namun penyelenggaraan dan kemudahan bagi tujuan aplikasi tersebut juga perlu dipertingkatkan bagi menjadikan penggunaan PDP maya lebih efisien dan berkesan.

## 9. Rujukan

- Bahagian Pendidikan Islam. (2015a). Laporan Akhir Kajian Impak Program Pendaftaran Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Negeri Menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.
- Bahagian Pendidikan Islam. (2015b). Maklumat asas pelaksanaan kurikulum bersepadu dini. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Islam. (2017a). Kajian Keperluan Pelaksanaan Pakej Matapelajaran SMKA di SABK Negeri Selangor.

- Bahagian Pendidikan Islam, K. (2017b). Laporan Kajian Pelaksanaan dan Pemantauan KBD/KBT.
- Baharan, M. F. bin M. (2018). Faktor Penggiat Virtual Learning Environment FROG Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah. UiTM Mara Shah Alam.
- Chong Ai Peng, Vestly Kong Liang Soon, & Shaffe Mohd Daud. (2016). Teachers' Beliefs and TPACK Toward Frog VLE Integration in Special Education (Hearing Impairment) Classroom. Conference: Conference: International Conference On Teacher Learning and Development.
- Chua, Y. P. (2005). Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Mc. Graw Hill Education, Malaysia.
- Davies, I. I. C. (1971). Management of Learning. London: C. Gain Hill.
- Hashim, H., Munira, S., Nasri, M., & Mustafa, Z. (2016). Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Pelaksanaan Persekitaran Pembelajaran Maya Frog Di Bilik Darjah (Teachers' Challenges in the Implementation of Frog Virtual Learning Environment in the Classrooms). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 31(31), 115–129.
- Jasmi, K. A., & Tamuri, A. H. (2011). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*.
- Kamalludeen, R., Hassan, A., Sakinah, N., & Nasaruddin, A. (2016). Student Usage Patterns Of Vle-Frog. *Journal of Personalized Learning*, 2(21), 86–94.
- Kamarul Azmi Jasmi, & Tamuri, A. H. (2011). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia, 3(1), 59–74.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2013). laporan Audit Negara tahun 2013.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). Laporan Awal Ringkasan Eksekutif: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2017). Ringkasan Eksekutif PPPM Laporan 2016 Pelan Pembanguna Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016a). Frogasia. Retrieved from <https://frogasia.com/en/1bestarinet/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016b). Pembelajaran Abad ke-21.
- Krejcie, V. ., & Morgan, W. . (1970). Determining Sample Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurement, (30th ed.). Duluth: University of Minnesota.
- Lubis, M. A., Alias, Z., & Shaharuddin, H. N. (2014). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu ' uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan ( SABK ). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 51–61.
- Nasir, G. A., Mahalle, S., & Nawawi, A. (2015). Kajian Amalan Pengajaran Guru Bahasa Arab Sekolah Menengah di Negara Brunei Darussalam. *Q-JIE The Online Journal of Islamic Education*, 3(1), 32–40.
- Nor Azlah, M. J., & Fariza, K. (2014). Keberkesanan Kemahiran Komunikasi Di kalangan Guru dalam Penggunaan Persekitaran Pembelajaran Maya (Frog VLE). Pengajaran Sumber Dan Teknologi Maklumat:Impaknya Ke Atas Penyelidikan Dalam Pendidikan., 63–69.



- Rahman, A. M. S. A., Effendy, uhammad H. H. N., Omar, I., Fathillah, M. F. M., Muslil, Y., & Mohamad Daud, H. (2012). Penilaian Pelaksanaan PDP Bahasa Arab SMA Kurikulum Azhari di SABK Selangor. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Dan Pengajian Islam*, 1(ISSN-2231-8291), 219–240.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2013). *Research Methods for Business : A Skills Buildings Approach*. (6th ed.). New York: John Wiley & Sons Inc.
- Yahaya, N. bin, Ahmad, S. F., Ali, M. B., & Zakaria, M. A. Z. M. (2007). Pengaplikasian ICT Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam: Kajian Di Kalangan Graduan Pendidikan Islam UTM, 38–49.
- Yusoh, N., & Mansor, A. N. (2015). Aplikasi Inovasi Persekitaran Pembelajaran Maya Frog (Frog VLE) Dalam Kalangan Guru. In *ASEAN Comparative Education Research Conference (ACER-N 2015)* (pp. 1–13).